

Headline Sahut Cabaran
Date 15 Jun 2010
MediaTitle Berita Harian
Section Pendidikan
Journalist N/A
Frequency Daily
Circ / Read 192,982 / 1,521,000

Language Malay
Page No 1,2
Article Size 1232 cm²
Color Full Color
ADValue 26,133
PRValue 78,400



BERITA HARIAN | STRAITS TIMES

minda

Pelajar berilmu

CYCLE II
EARTH IS NOT FLAT
6-6-2010

START / FINISH

Borang Seminar PMR di muka 20

15 - 21 Jun 2010 Bil 788

di dalam 3

Personaliti:
Nur Fazlyana Ingin Jadi Seperti Nicol

5

Masalah Pelajar:
Pelajar Sukar Hendak Berhenti Merokok

7

Fokus PMR:
Bahasa Melayu (Kertas 1)
Kesilapan Penggunaan Kata Sendi Nama

Lihat muka 2

Sahut Cabaran



Headline Sahut Cabaran
 Date 15 Jun 2010
 MediaTitle Berita Harian
 Section Pendidikan
 Journalist N/A
 Frequency Daily
 Circ / Read 192,982 / 1,521,000

Language Malay
 Page No 1,2
 Article Size 1232 cm²
 Color Full Color
 ADValue 26,133
 PRValue 78,400



Cerun dan laluan berbukit antara cabaran yang terpaksa dilalui oleh peserta.



Peserta menuruni cerun curam.



Dr Abd Latif (dua kanan) melepaskan peserta Mini Jambori Mountain Bike Green Cycle II, baru-baru ini.

370 Peserta Berbasikal di Hutan FRIM

**KHAIRUNNISA
KAMARUDIN**

Aktiviti berbasikal lasak di hutan simpan pastinya meninggalkan pengalaman kayuhan menyeronokkan berban-

ding di kawasan rekreasi atau laluan yang diwartakan.

Trek sekitar Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) menyaksikan aksi lasak

penunggang basikal tanpa menjejaskan spesies flora dan fauna dalam program Mini Jambori Mountain Bike Green Cycle II, baru-baru ini.

Program disertai 370 peserta berusia antara 13 hingga 64 tahun menjayakan kayuhan sejauh 30 kilometer sekitar kampus FRIM yang

Headline **Sahut Cabaran**
Date **15 Jun 2010**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Pendidikan**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **1,2**
Article Size **1232 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **26,133**
PRValue **78,400**

turut diwartakan sebagai tapak warisan semula jadi, tahun lalu.

Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr Abd Latif Mohmod, berkata program pendidikan bersifat rekreasi itu bertujuan mendidik peserta terutama remaja menghargai alam sekitar.

Walaupun peserta dibenar menjalani aktiviti lasak namun katanya, masing-masing perlu mematuhi arahan bagi memastikan kegiatan itu tidak menjejaskan spesies tumbuhan-tumbuhan sedia ada.

"Berbasikal bukan saja menjadi aktiviti riadah yang menyihatkan minda dan fizikal tetapi dapat mendekatkan individu dengan alam sekitar di kawasan yang kaya dengan pelbagai jenis tumbuhan.

"Usaha ini diharap dapat mempromosikan sukan rekreasi yang begitu sinonim dengan aktiviti anjuran FRIM sejak tahun 1993. Kegiatan ini sekali gus menjadikan institusi penyelidikan sebagai

destinasi pelancongan menarik," katanya.

Dr Abd Latif berkata, sepanjang laluan, peserta berpeluang menikmati keindahan alam semula jadi sambil mengenal pasti nama saintifik bagi setiap pokok di sekitar kawasan.

Katanya, selain menyihatkan badan, masing-masing berpeluang meningkatkan pengetahuan mengenai kepelbagaian fungsi sesuatu tumbuhan.

Seorang peserta, Daniel Johan, 13, berkata dia begitu meminati aktiviti berbasikal lasak di laluan yang begitu istimewa dipenuhi pelbagai tumbuhan menghijau.

Pelajar Tingkatan Satu, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Ulu Klang itu berkata, selain beriadah aktiviti itu juga membolehkannya mengenali dengan lebih dekat sesuatu spesies tumbuhan termasuk yang tidak pernah ditemui sebelum ini.

Suasana nyaman di FRIM itu katanya, meningkatkan semangatnya untuk terus beriadah selain menambah pengetahuan dan menghargai alam sekitar yang perlu dipelihara untuk diwariskan

kepada generasi akan datang.

"Saya harap dapat menyertai aktiviti seumpama ini pada masa depan kerana pengalaman yang diperoleh begitu berharga.

"Kegiatan ini unik. Ia berbeza daripada aktiviti berbasikal lasak yang biasa diadakan di trek laluan sikal atau di jalan raya yang sibuk," katanya.

Pelajar Tingkatan Tiga, SMK Bukit Rahman Putra, Mohd Shafiq Haris Supriono, 15, berkata dia kagum melihat keindahan alam sepanjang melalui trek di sekitar FRIM.

Katanya, udara segar dan nyaman serta kicauan unggas mendamaikan. Suasana itu membuatnya tenang, selain bersemangat meneruskan kayuhan

hingga ke garisan penamat walaupun berhadapan pelbagai rintangan.

"Pengalaman ini sangat indah untuk dikongsi bersama rakan dan mendorong saya menghargai keindahan alam semula jadi yang dikurniakan Tuhan. Apatah lagi hutan sumber oksigen yang penting dalam kehidupan," katanya.

“Berbasikal bukan saja menjadi aktiviti riadah yang menyihatkan minda dan fizikal tetapi dapat mendekatkan individu dengan alam sekitar di kawasan yang kaya dengan pelbagai jenis tumbuhan”

Dr Abd Latif Mohmod
Ketua Pengarah FRIM